

1M4U wujud dimensi baru

Galakkan penuntut IPT libatkan diri dengan aktiviti kesukarelawananan

BATU PAHAT — Pelaksanaan 1Malaysia For Youth (1M4U) Outreach Centre bakal mewujudkan dimensi baharu dalam landskap kesukarelawananan negara khususnya membabitkan penuntut institusi pengajian tinggi (IPT).

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, kementerianya menyasarkan 600 program kesukarelawananan membabitkan penuntut IPT dapat dilaksanakan menjelang Julai tahun depan menerusi penubuhan pusat itu.

Katanya, buat permulaan ini, kementerianya menetapkan sasaran sebanyak 100 program dilaksanakan pada bulan depan, dan diteruskan dari semasa ke semasa

"Saya juga mempelawa pihak swasta, badan korporat dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) untuk berganding bahu bersama 1M4U Outreach

Centre dalam melaksanakan program khidmat sosial masing-masing.

"Dengan kekuatan enrolmen penuntut kini mencecah 1.1 juta orang, kerjasama yang bakal wujud mampu memberikan dimensi baharu dalam landskap kesukarelawananan negara," katanya selepas merasmikan majlis pra pelancaran 1M4U Outreach Centre di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini, semalam

Sementara itu, UTHM dipilih sebagai universiti pertama mempunyai 1M4U Outreach Centre sebelum ia akan diperluaskan ke IPT seluruh negara dan majlis pelancaran peringkat nasional bakal disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Mohamed Khaled berkata, 1M4U Outreach Centre di IPT ditubuhkan hasil kerjasama Unit Kerjasama Awam dan Swasta (UKAS)



Mohamed Khaled menandatangani plak sebagai simbolik perasmian berkenaan.

dan KPT bertujuan menggalakkan penuntut IPT melibatkan diri dengan aktiviti kesukarelawananan.

Katanya, ia berperanan mengurus dan menyelaras cadangan-cadangan program kesukarelawananan yang

dikemukakan mahasiswa.

"Kertas-kertas cadangan program yang berpotensi seterusnya akan diajukan kepada pihak 1M4U untuk pertimbangan dan kelulusan pelaksanaan program termasuk penyaluran geran Dana

Relawan 1Malaysia (DRe1M)," katanya

Sementara itu, sempena majlis pra pelancaran itu, satu pertandingan My UniRawks untuk pelajar IPT yang menawarkan dana berjumlah RM100,000 turut diadakan

untuk memilih 10 cadangan aktiviti kesukarelawananan terbaik menerusi laman Facebook 1M4U.

Menurutnya, setiap pemenang cadangan terbaik mendapat dana RM10,000 dan diundang untuk hadir sesi berinteraksi bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Seterusnya, 10 cadangan terbaik akan dipaparkan di laman Facebook 1M4U dan undian akan dijalankan untuk menentukan tiga cadangan terbaik yang mana pemenang akan menerima hadiah iPad, lawatan ke luar negeri dan penganjuran program khas IPT terbabit ditanggung 1M4U.

"Pertandingan bermula hari ini (semalam) manakala tarikh akhir penyertaan adalah pada 13 November ini dan keterangan lanjut boleh diperoleh dengan melayari laman Facebook 1M4U," katanya.